

P-raya mungkin diadakan¹¹²
lebih awal — Dr. Mahathir

MAGERAN

K'TAN

DIBATAL

UMS 13 FEB 1978

**OLEH MOKHTAR MAHMUD BAGINDA
DAN MOHD JUSOH**

KOTA BHARU 12 Feb. — Kerajaan Mageran di Kelantan ditarik balik mulai hari ini.

Mengisytiharkan ini di sini hari ini, Pemangku Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir berkata ada kemungkinan pilihanraya di negeri itu diadakan lebih awal dari lain-lain negeri.

Katanya, Yang Dipertuan Agung telah berkenan atas nasihat Kerajaan Pusat supaya kuasa kerajaan darurat di Negeri Kelantan dibatalkan setelah mendapati keadaan keselamatan di negeri ini terjamin.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Naib Presiden UMNO berkata, dengan pengisytiharan ini kuasa Mageran di Kelantan ditamatkan dan diserahkan balik kepada Menteri Besar, Datuk Haji Mohamad Nasir.

Beliau mengumumkan ini dalam satu perjumpaan dengan pemimpin UMNO seluruh Kelantan di Dewan Perniagaan Cina di sini petang tadi. Turut sama ialah dua lagi Naib Presiden UMNO Tengku Razaleigh Hamzah dan Encik Ghafar Baba.

Kerajaan Kelantan hari ini hanya dianggotai oleh seorang Menteri Besar dan tiga orang lagi Exco dari Barisan Nasional (UMNO) kerana Speaker dan lima orang Exco PAS telah keluar selepas kerajaan Mageran ditubuhkan di Kelantan.

Kepercayaan

Perdana Menteri Datuk Hussein Onn telah melantik Encik Hashim Aman menjadi Pengarah Kerajaan Mageran Kelantan dan Datuk Mohamad Nasir terus menjadi Menteri Besar pada 11 November tahun lepas.

Ketika pengisytiharan Kerajaan Mageran di tarik balik hari ini Datuk Mohamad Nasir tidak ada di Kelantan dan dipercayai sedang berada di Johor.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, "masalah kerajaan Kelantan sekarang terserahlah kepada Menteri Besar yang ada."

Dua puluh orang anggota PAS Dewan Undangan Negeri telah meluluskan undi tidak percaya terhadap Datuk Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan dalam Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada 15 Oktober tahun lalu.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir dalam peruntukan perlembagaan Kerajaan Kelantan bila Menteri Besar tidak mendapat kepercayaan majoriti ahli-ahli Dewan dalam undi tidak percaya, ianya boleh meletakkan jawatan.

"Jika tidak meletakkan jawatan Menteri Besar boleh menasihatkan pemangku raja membubarkan Dewan Undangan Negeri dan mengadakan satu pilihanraya baru," ujarnya.

Pemangku Perdana Menteri juga berkata, sekarang kuasa Menteri Besar dan tiga Exco Barisan Nasional yang ada tidak cukup syarat untuk menubuhkan kerajaan kerana syaratnya menubuhkan kerajaan mestilah sekurang-kurangnya seorang Menteri Besar dan empat Exco termasuk Timbalan Menteri Besar.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, kalau PAS tidak undur diri dulu, hari ini sudah tentu kerajaan

PAS boleh berkuasa semula tapi sekarang terserahlah kepada Menteri Besar.

Ketika ditanya selepas perjumpaan itu Dr. Mahathir menyatakan kemungkinan pilihanraya di Kelantan akan diadakan lebih awal dari negeri-negeri lain tapi ini bergantung atas kuasa dan keputusan Menteri Besar sendiri.

"Ini bermakna UMNO bukanlah gila kuasa kerana kita menyerahkan Kerajaan Kelantan dalam keadaan keselamatannya pulih semula."

Mengenai Berjasa beliau menekankan perkara itu akan diputuskan oleh Majlis Tertinggi Barisan Nasional sambil berkata, "kita sanggup terima semata-mata untuk memberi kerjasama dan mewujudkan perpaduan orang-orang Melayu."

Datuk Sri Dr. Mahathir dan isterinya telah tiba di Lapanganterbang Pangkalan Chepa pagi tadi disambut oleh Tengku Razaleigh Hamzah, Pengarah Kerajaan Kelantan Encik Hashim Aman, Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Mohamad

Nordin bin Wahab dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional Kelantan.

Datuk Sri Dr. Mahathir kemudian telah mengadakan Pemangku Raja Kelantan, di istananya di sini.

Malam ini ketiga-tiga Naib Presiden UMNO itu dijangka menghadiri satu majlis perjumpaan khas

dengan Jawatankuasa Badan Perhubungan UMNO Kelantan di Dewan UMNO di sini.

Sementara itu Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang mengalu-alukan langkah Kerajaan Pusat menamatkan pemerintahan darurat di Kelantan dan mensifatkannya sebagai "pertanda yang pilihanraya umum di negeri itu atau di seluruh negara akan diadakan dalam masa yang singkat".

"Saya tidak menolak kemungkinan besar bahawa pilihanraya umum akan diadakan akhir Mac ini," katanya ketika mengulas berita pembatalan pemerintahan darurat di Kelantan itu.

Beliau menerangkan sidang Parlimen telah ditetapkan akan berlangsung mulai 20 Mac depan dan mungkin pembubaran Parlimen dilakukan selepas itu atau boleh jadi sebelum sidang tersebut.

Oleh kerana Datuk Mohamad bin Nasir kalah dalam undi tidak percaya dan PAS mempunyai suara majoriti dalam Dewan Negeri itu maka kuasa pemerintahan negeri itu mahulah dikembalikan kepada parti ini.

Pemulangan kuasa pentadbiran Negeri Kelantan kepada PAS semula adalah mengikut amalan demokrasi "saya berharap semua pihak akan menghormati hakikat ini," katanya.

Pemangku Pengerusi Parti PEKEMAS, Datuk Ahmad Boestamam pula ketika mengalu-alukan keputusan kerajaan menamatkan pemerintahan Mage-ran di Kelantan, berkata:

"Dengan penarikan semula undang-undang ini bererti amalan demokrasi telah diwujudkan semula di negeri itu setelah lebih tiga bulan digantung akibat suasana politik yang tidak seimbang di negeri itu.

"Ini akan membolehkan Kerajaan PAS yang menguasai pemerintahan Kerajaan Negeri Kelantan, sekarang boleh menubuhkan sebuah kerajaan baru serta melantik Menteri Besarnya yang baru bagi menggantikan Datuk Haji Mohammad Nasir yang telah dipecat dari parti itu."

PEKEMAS, kata Datuk Boestamam, mengalu-alukan sebarang langkah yang bertujuan memulihkan keadaan politik di Kelantan dengan mengamalkan semula pemerintahan secara demokrasi.

Penarikan semula ini, tambahnya, membawa satu hakikat bahawa kerajaan telah memberikan peluang kepada seluruh rakyat Kelantan untuk mengambil bahagian cergas dalam pilihanraya umum akan datang.

Presiden MCA, Datuk Lee San Choon ketika dihubungi lewat petang ini turut mengalu-alukan penarikan pemerintahan darurat di Negeri Kelantan.

Katanya, pengumuman yang dibuat oleh Pemangku Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir adalah selaras dengan janji yang pernah dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Hussein Onn sebelum ini.

Beliau yang juga Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menjelaskan bahawa Datuk Hussein pernah berkata pemerintahan darurat itu akan ditarik semula sebaik-baik sahaja keadaan di Kelantan kembali seperti biasa.

"Oleh yang demikian, pengumuman yang dibuat oleh Pemangku Perdana Menteri itu adalah sesuai dan selaras dengan janji yang dibuat oleh Perdana Menteri dan MCA mengalu-alukannya".